



# POLISI PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

## 1. PENGENALAN

Duopharma Biotech Berhad (“Duopharma Biotech” atau “Syarikat”) beriltizam untuk mencapai standard tertinggi perilaku etika serta pematuhan setiap undang-undang terpakai negara-negara di mana Duopharma Biotech menjalankan perniagaan.

Peruntukan pencegahan pengubahan wang haram direka untuk mencegah penggunaan perniagaan-perniagaan yang sah oleh penjenayah-penjenayah untuk pengubahan wang haram, dan untuk membantu agensi penguatkuasa undang-undang untuk mengesan dan mendapatkan semula aset jenayah dan pembiayaan keganasan.

Polisi ini terpakai kepada Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan (tetap dan sementara) Duopharma Biotech, anak syarikat dan syarikat sekutu, tanpa mengambil kira lokasi pekerjaan.

## 2. TAKRIFAN

Pengubahan wang haram ialah suatu proses menukarkan perolehan yang dijana daripada kegiatan haram bertujuan untuk memberi suatu penampilan yang sah di sisi undang-undang. Ia adalah suatu proses membersihkan wang haram untuk menyembunyikan sumber asalnya. (sumber rujukan: *amlctf.bnm.gov.my*)

Pembiayaan keganasan ialah tindakan membiayai pegganas atau organisasi-organisasi keganasan menggunakan dana dari sumber yang sah atau tidak sah untuk aktiviti-aktiviti keganasan mereka, atau memberikan sebarang faedah kepada apa-apa organisasi pegganas. Walaupun sebahagian besar daripada dana tersebut datang daripada aktiviti-aktiviti haram, sebahagiannya juga boleh datang daripada sumber yang sah, contohnya, dalam bentuk gaji, hasil daripada perniagaan sah, atau dana dalam bentuk derma yang diperolehi menggunakan organisasi bukan untung. (sumber rujukan: *amlctf.bnm.gov.m*)

### **3. GARIS PANDUAN**

Duopharma Biotech mesti mematuhi setiap tuntutan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, (AMLATFPUAA 2001) di bawah penguatkuasaan Bank Negara Malaysia. Duopharma Biotech mengakui pentingnya pencegahan pengubahan wang haram, dan oleh itu akan mematuhi undang-undang tempatan dan luar negara yang berkaitan, dan menetapkan prosedur sewajarnya.

#### **3.1 Usaha Wajar Pelanggan**

Duopharma Biotech akan menentukan dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjalankan usaha wajar pelanggan.

#### **3.2 Penilaian Risiko**

Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech hendaklah peka terhadap risiko penggunaan perniagaan Syarikat untuk aktiviti pengubahan wang haram, dan hendaklah mengemukakan apa-apa transaksi yang mencurigakan kepada perhatian pegawai atasan dan Lembaga Pengarah untuk siasatan seterusnya.

Suatu penilaian berbasis risiko hendaklah dibuat untuk memprofil risiko berhubung dengan pelanggan-pelanggan tersebut, dan langkah-langkah kawalan ditetapkan untuk mengurus risiko-risiko yang dikenalpasti berdasarkan jenis, skala dan kerumitan aktiviti-aktiviti perniagaan tersebut. Aktiviti-aktiviti itu termasuk penilaian terhadap pelanggan dan syarikat, produk dan/atau perkhidmatan yang ditawarkan dan juga lokasi pelanggan. Perkara-perkara bendera merah dan langkah-langkah kawalan hendaklah diberitahu kepada Ketua Pegawai Undang-Undang dan pihak Pengurusan untuk tindakan lanjut.

#### **3.3 Melaporkan Transaksi yang Mencurigakan**

Duopharma Biotech akan melaksanakan dan mengekalkan langkah-langkah untuk menangani transaksi yang mencurigakan, dan akan mengemukakan Laporan Transaksi Mencurigakan (STR) kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan Bank Negara Malaysia (FIED) apabila sesuatu urusan itu mencetus kriteria kecurigaan.

#### **3.4 Program Kesedaran Kakitangan**

Duopharma Biotech akan menjalankan program-program berhubung dengan pencegahan pengubahan wang haram supaya kakitangan yang berkenaan boleh melaksanakan langkah-langkah usaha wajar pelanggan dengan serta merta.

**-Tamat -**